

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

## SIARAN MEDIA

### LAPAN KONTRAKTOR BAKAL BERDEPAN DENGAN PENALTI KEWANGAN KERANA TIPUAN BIDA

**KUALA LUMPUR, 23 APRIL 2024** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah mengeluarkan Keputusan Cadangan pada 16 April 2024 terhadap lapan kontraktor atas pelanggaran seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (CA 2010) kerana terlibat di dalam aktiviti tipuan bida pada tahun 2019 melibatkan dua tender dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan satu tender dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) beranggaran RM473 juta untuk kerja-kerja pembinaan jalan dan sistem tebatan banjir. Keputusan Cadangan telah disampaikan kepada semua lapan perusahaan pada 22 April 2024.

Enam perusahaan iaitu, Dutamesra Bina Sdn. Bhd., IDX Multi Resources Sdn. Bhd., Mangkubumi Sdn. Bhd., Menang Idaman Sdn. Bhd., Meranti Budiman Sdn. Bhd. dan Pintas Utama Sdn. Bhd. telah berpaktat dalam kesemua tiga tender tersebut. Manakala, NYL Corporation Sdn. Bhd. terlibat di dalam kedua-dua tender JKR dan Kiara Kilat Sdn. Bhd. hanya terlibat dalam salah satu dari dua tender JKR.

Penyiasatan mendapati pada peringkat Keputusan Cadangan bahawa perusahaan-perusahaan ini telah berpaktat melakukan aktiviti tipuan bida melalui perkongsian maklumat serta koordinasi dalam penyertaan tender tersebut. Perlu ditekankan di sini bahawa penemuan MyCC melalui Keputusan Cadangan adalah dapatan awal, maka tidak boleh diandaikan bahawa mana-mana perusahaan telah melanggar Akta Persaingan 2010 pada peringkat ini. Seperti yang diperuntukkan dalam Akta, perusahaan-perusahaan ini juga telah dimaklumkan mengenai penalti kewangan yang dicadangkan. Perusahaan-perusahaan terbabit juga diberi peluang untuk mengemukakan representasi bertulis dalam tempoh 30 hari selepas menerima Keputusan Cadangan. Setelah itu, perusahaan-perusahaan ini boleh memilih untuk membentangkan representasi lisan kepada Suruhanjaya pada tarikh yang akan ditentukan kelak. MyCC hanya akan mengeluarkan Keputusan Akhirnya selepas mempertimbangkan representasi oleh perusahaan-perusahaan bersama-sama bukti yang diperolehi daripada penyiasatan berkaitan.

Dato' Seri Mohd Hishamudin Yunus  
Pengerusi  
Suruhanjaya Persaingan Malaysia

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: [cad@mycc.gov.my](mailto:cad@mycc.gov.my)

**Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-12 pada 1 April 2023 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 250 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM500 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutkan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).